

Gerakan ABIM dan Impaknya ke Atas Perubahan Sosio-Politik Masyarakat Malaysia

Oleh: Tuan Haji Abdul Halim Ismail (Pengerusi KBI)
Paradigma Baru Dakwah

Walaupun ABIM dinilai sebagai sebuah pertubuhan Islam yang terbesar dan paling berpengaruh (the largest, best known, and most influential of the non-party-based Islamic groupings – Chandra Muzaffar, Islamic Resurgence in Malaysia), namun kelahirannya di peringkat awal didorong oleh hasrat yang kelihatan amat sederhana. ABIM digerakkan dengan tujuan ‘memperjuangkan cita-cita Islamiah, menjalankan dakwah secara progressif, menggembelng tenaga belia bagi meningkat taraf hidup masyarakat, bekerjasama dengan badan-badan lain serta melaksanakan kegiatan-kegiatan lain yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah’ (Perlembagaan ABIM). Namun kekuatan yang terkandung dalam pengertian yang ada pada din al-Islam yang menjadi dasar perjuangan - dengan pengertiannya yang luas dan dalam, yang mempunyai daya dan kekuatan, dinamik serta bersifat revolutionary (sentiasa segar dan baru) - telah memberikan generasi muda lebih dari sekedar medan untuk berdakwah dan membuat amal kebajikan. Ia telah pula membuka satu dimensi baru yang mengangkat erti kehidupan iaitu dimensi perjuangan bagi mendaulatkan Islam dan memperkasa umat.

Islam dimengerti bukan sebagai ibadah yang sempit tetapi sebagai sistem kehidupan yang menyeluruh berpaksikan Tauhid. Pengertian Islam yang ‘baru’ telah membuka mata generasi baru belia Islam untuk melihat Islam dan kehidupan manusia dalam horizon yang lebih luas, bersepadu (integrated) dan bersifat sejagat (universal). Mereka meyakini Islam adalah Jawapan Muktamad (The Ultimate Answer) kepada masalah dan kekalutan dalam hidup manusia. Semangat baru menyelubungi generasi belia untuk berjuang bagi merealisasi idealisme yang dianggap mulia (nobel) ini tengah-tengah masyarakat. ABIM dan pemimpinnya, dalam senario demikian, muncul di hadapan masyarakat dengan wajah yang sama sekali di luar dugaan mereka; bukan sebagai badan belia biasa dan bukan juga sebagai badan dakwah yang lumrah. ABIM dianggap sebagai sebuah gerakan yang ‘lari dari kebiasaan’; bercakap tentang dakwah tapi mengkritik dan bermain politik! Tidak hairan kenapa sebahagian dari anggota masyarakat tidak dapat menerima kehadiran ABIM dengan peranan yang demikian. Sesetengah dari pemimpin-pemimpin negara melihat ABIM dengan rasa resah dan bimbang, lalu mengambil tindakan-tindakan bagi menyekat pergerakannya.

Dari Dakwah ke Pembinaan Khayr al-Ummah

Perspektif baru dakwah mengangkat para pemimpin dan ahli-ahli ABIM dari hanya menjadi penyampai pidato dan khutbah menjadi aktivis gerakan yang mendokong perjuangan dan idealisme bagi merobah masyarakat. Ghairah dan semangat juang mendorong mereka untuk berkorban dan mengeneipkan kepentingan diri demi idealisme yang dipegang. Kegigihan dan kesungguhan mereka ternyata kemudiannya memberi kesan yang luar biasa. Kefahaman Islam mulai meningkat dan kehairahan untuk menghayati ajarannya juga menjadi semakin bertambah. Agama Islam, yang asalnya dilihat dalam konteks fekah yang sempit dengan aspek-aspek ritualnya, kini dilihat sebagai suatu sistem hidup yang unggul hingga mampu menjadi alternatif kepada sistem yang sedia ada. Islam diyakini sebagai suatu peraturan sosial dan sekaligus agama; memiliki daya bagi mengubah kehidupan, berupaya memerdeka manusia dari belenggu kejahilan dan pemikiran sempit, juga sebagai agama yang kuat menegaskan tentang keadilan dan membangun maruah insan. Islam diyakini sebagai agama yang mempunyai daya dan kekuatan besar bagi menyelamatkan manusia. Umat, yang selama ini semacam kehilangan keyakinan diri, kini menemui kembali keyakinan, sumber kekuatan dan jatidiri.

Berikutan dari kesedaran (al-wa’y) yang berkembang, timbul dorongan ke arah penghayatan Islam secara lebih bermakna. Manifestasinya dapat dilihat bukan sahaja pada perubahan citra wanita dengan tudung dan kerudung, tetapi juga dalam hal-hal yang jauh lebih memberi serius. Seminar dan wacana intelektual bagi memahami dan mengaplikasi syariat telah diadakan oleh berbagai kalangan. Perbincangan-perbincangan tentang pelaksanaan pelbagai aspek syariat Islam telah dibuat dengan melibatkan para ulamak, tokoh dan pakar termasuk dari luar negara. Ekoran kegiatan-kegiatan serius yang bersifat intelektual ini, tercetus perubahan-perubahan yang bersifat institutional yang membantu umat menjalani kehidupan Islami yang lebih menyeluruh. Sebahagian dari dasar-dasar pemerintah dibentuk atau diubahsuai agar lebih islamik. Pendidikan negara berubah bagi menampung aspirasi umat dengan falsafah yang lebih kemas. Kurikulum di berbagai peringkat persekolahan telah dinilai semula dan diperbaiki. Institusi-institusi pendidikan baru berasaskan falsafah yang baru telah dibentuk. Sementara institusi-institusi yang sedia ada membuat penyesuaian-penyediaan seiring dengan cita dan semangat baru ini. Dunia kewangan dan sistem perbankan turut menerima kesan dari kesedaran baru ini. Selain dari bank-bank yang beroperasi berasaskan syariat, bank-bank konvensional turut membuka kaunter-kaunter yang berurusan berasaskan muamalat Islam. Suruhanjaya Sekuriti memberi tindak balas yang sama. Berbagai institusi mempunyai Panel Penasihat Syariah sendiri. BSKL turut menyediakan indeks Islam bagi mewakili saham syarikat-syarikat yang memenuhi kehendak syariah.

Generasi muda merupakan golongan yang banyak terkesan dari gelombang baru dakwah progresif ini. Minat dan idealisme kelompok ini memberi daya untuk perkembangan kesedaran yang bermakna dalam masyarakat Malaysia. Sebahagian besar dari mereka adalah pelajar-pelajar universiti dan dan pusat-pusat pengajian tinggi. Mereka kemudiannya memasuki pelbagai institusi penting sama ada di sektor kerajaan maupun swasta. Kehadiran mereka khususnya di berbagai jabatan dan kementerian kerajaan, dalam kadar yang tertentu, turut mempengaruhi sebahagian

dari dasar-dasar yang diperbuat oleh pemerintah.

Tahun 90an, khususnya sebelum Peristiwa September 1998, optimisme tentang Malaysia sebagai sebuah negara maju berasaskan nilai-nilai Islam adalah amat tinggi. Ini terjadi ekoran dinamisme kepemimpinan ketika itu serta komitmen yang ditunjuk oleh mereka bagi menterjemahkan idealisme dan wawasan baru ke tengah-tengah masyarakat. Aura perubahan yang positif dirasakan oleh masyarakat hingga ada yang beranggapan bahawa Malaysia dan umat rantau Melayu, akan muncul sebagai paksi baru bagi Islam, menggantikan peranan Timur Tengah atau Asia Barat. Keharmonian yang wujud di negara ini, walaupun di tengah-tengah keragaman bangsa, agama dan budaya di negara ini, dianggap sebagai suatu anugerah Allah kepada Malaysia bagi membuktikan kepada dunia bahawa Islam adalah agama praktis, mempunyai daya dan kemampuan menangani pelbagai realiti kehidupan masyarakat manusia.

Kita sebenarnya sedang memerhatikan suatu transformasi sosio-budaya akibat kebangkitan gerakan dakwah yang dinamis dan progresif. Gerakan ini mengakibatkan perubahan-perubahan besar terjadi dalam pandangan hidup, persepsi dan pemikiran masyarakat. Istilah kebangkitan Islam (Islamic resurgence) telah digunakan bagi menggambarkan fenomena ini. Kebangkitan ini, walaupun turut berlaku di kebanyakan negara Islam yang lain, namun dalam konteks Malaysia, ABIM adalah faktor terpenting sebagai penggerak dan pencetus perubahan dan transformasi ini.

Masyarakat Madani

Kesedaran keagamaan yang tulen akan memperkasa insan dengan kesedaran dan tanggungjawab, kekuatan dan keberanian serta kesediaan untuk berjuang demi keyakinan dan idealisme. Dakwah "baru" yang dipelopori oleh ABIM telah berjaya, untuk tahap tertentu, membantu membentuk generasi baru dengan kesedaran dan kefahaman serta rasa tanggungjawab yang lebih tinggi berbanding dengan keadaan sebelumnya. Untuk suatu waktu, kecenderungan umum generasi muda adalah kepada kehidupan yang bersahaja, individualistik, berhibur dan bersuka-suka tanpa kesediaan untuk memikul apa-apa tanggungjawab. Gelombang dakwah yang bermula di tahun-tahun 70an, secara beransur-ansur berjaya mendidik sebahagian dari generasi muda dengan cita dan idealisme yang lebih bermakna, bertanggungjawab terhadap nasib bangsa dan melihat lebih jauh ke hadapan.

Kesedaran baru ini jelas kelihatan sewaktu fenomena "kebangkitan reformasi" dan pilihanraya di tahun-tahun 1999-2000. Walaupun terdapat anak-anak muda yang tampil ke medan hanya kerana terikut-ikut dan terpengaruh dengan slogan, retorika dan radikalisme, namun sejumlah yang signifikan dari mereka telah bangun kerana rasa tanggungjawab, idealisme dan kesedaran agama. Mereka sedia mengenyai budaya hidup mereka yang biasa, sanggup mengorbankan keselesaan dan mengambil risiko demi apa yang disebut sebagai perjuangan (strive for a cause). Walaupun jangka waktu itu tidak panjang, namun kesempatan tersebut telah berjaya menjadikan mereka menyedari erti dan realiti kehidupan dan perjuangan. Kesedaran tentang maksud kebenaran, keadilan, hak asasi, prinsip demokrasi, reformasi, ketelusan dan lain-lain konsep penting bagi sebuah masyarakat madani telah meningkat. Mereka lebih sedar tentang gejala-gejala negatif dalam masyarakat seperti politik wang, rasuah, penyalahgunaan kuasa, pembaziran, kronisme dan sebagainya. Tanpa mempersoalkan isu yang mencetuskan "kebangkitan" ini, kesedaran baru generasi muda tentang perkara-perkara seperti ini adalah sesuatu yang positif. Pengalaman-pengalaman yang mereka perolehi sepanjang "kebangkitan" ini mampu menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang lebih progresif pada masa mendatang. Parti-parti politik sebenarnya turut mendapat manfaat yang membantunya memperoleh nafas kelangsungannya dari fenomena-fenomena dakwah dan gelombang reformasi yang terjadi.

Politik dan Pemerksaan Umat

Walaupun ABIM bukan parti politik, namun pandangan, pendirian dan pernyataan politiknya sentiasa diperhatikan. Ini adalah kerana ABIM dilihat mewakili sebahagian dari sikap masyarakat khususnya generasi muda yang progresif. Demikian juga, pendirian-pendirian ABIM dalam pelbagai isu dilihat mempunyai kesan ke atas pembentukan sikap dan pandangan masyarakat terhadap polisi-polisi pemerintah. ABIM dan pemimpinnya dilihat mampu mempengaruhi masyarakat dan dengan demikian berupaya mengugat wibawa pemerintah. Kerana itu ABIM dan pimpinannya sering diawasi dan tindakan-tindakan ke atas pemimpin-pemimpinnya diambil oleh pemerintah termasuk menahan mereka dengan menggunakan ISA. Tahun-tahun 1974 dan 1998, menyaksikan beberapa orang pemimpin ABIM telah ditahan ekoran protes dan kebangkitan rakyat.

Di sebalik berbagai tanggapan dan tuduhan tentang sikap non-partisan ABIM, umum masyarakat tetap melihat bahawa ABIM sebagai pertubuhan yang mempunyai wibawa, kerana sifatnya yang dilihat masih bebas dari kongkongan parti-parti politik. Pendekatan yang berasaskan dakwah dan tarbiyah membantu memberi keyakinan kepada masyarakat untuk mendokong pendirian-pendirian yang dibuat oleh ABIM. Berasaskan isu-isu yang wajar dan adil, ABIM bertindak memberi sokongan kepada parti-parti politik tertentu, atau sebaliknya membantah dan menarik balik sokongan yang telah diberi. Sokongan atau bantahan yang dibuat oleh ABIM, dalam beberapa keadaan, memberi impak tertentu kepada parti-parti politik. Posisi ABIM yang demikian, di samping pendekatan non-partisan yang dipegangnya memberi ABIM kelebihan untuk berperanan sebagai poros tengah dalam usaha mewujudkan rapport dan mengurangkan ketajaman sengketa antara parti-parti politik Melayu.

Syarahana Perdana, pada 8 Mei 2002, yang mempertemu pemimpin-pemimpin utama Pas dan Umno, adalah gambaran dari peranan yang mampu dimainkan oleh ABIM dalam rangka memperkasa umat di negara ini. Pertemuan tersebut, bagi ABIM, adalah suatu kejayaan awal dalam rangka memecah halangan psikologi dan politik (psychological and political barrier) yang menganggap parti-parti Melayu terbesar tidak mungkin boleh berkerjasama bagi kepentingan bersama. Lebih jauh dari itu, ABIM melihat langkah ini sebagai siri usaha mendidik umat ke arah pembentukan suasana politik yang lebih mesra dan ramah berasaskan persefahaman dan kerjasama, kepentingan umat dan keperluan jangka panjang berasaskan prinsip-prinsip yang dituntut dan digariskan oleh Islam. Dalam masa yang sama, ABIM ingin mendidik masyarakat agar merasa jijik dengan politik tanpa etika yang berasaskan kebencian, adu domba dan fitnah yang hanya memperhitungkan kepentingan diri dan kelompok serta harta kekayaan.

Reaksi awal masyarakat terhadap usaha-usaha ABIM ini amat positif. Ia membayangkan bahawa masyarakat, untuk sekian lama, memendam rasa mual dan bosan dengan situasi politik perpecahan yang wujud selama ini. Namun selama ini mereka tidak mempunyai ruang untuk meluahkan pandangan apatah lagi ruang untuk mereka bertindak. Dalam menghadapi dekad-dekad mendatang, ABIM telah memutuskan untuk menjadikan usaha penyatuan umat sebagai jihad dalam rangka mendewasakan umat dan memperkasa mereka dalam menghadapi cabaran-cabaran rumit abad ini.

Transformasi Umat

Dakwah ternyata mempunyai kekuatan tersendiri yang tidak dipunyai oleh kuasa-kuasa lain, termasuk kuasa politik. Bahkan dalam keadaan tertentu, apa yang dapat dilakukan oleh kuasa dakwah jauh lebih besar dari apa yang dapat dilakukan oleh kuasa politik. Perubahan yang terhasil dari gerak kerja dakwah seperti ini, walaupun kelihatan perlahan dan gradual, namun ia tetap memberi impak yang mendalam dan meluas dalam masyarakat. Benar sebagai mana yang disebut oleh Peter F Drucker:

It is the social transformations, like ocean currents deep below the hurricane-tormented surface of the sea, that have had the lasting, indeed the permanent effect. They, rather than all the violence of the political surface, have transformed not only the society but also the community, and the polity we lived in.

Terj: Sebagaimana arus lautan yang jauh di bawah, berbanding permukaannya yang penuh gelora, transformasi sosial, mempunyai kesan yang berpanjangan, bahkan jauh lebih kekal. Berbanding dengan kesan politik yang tergambar ganas, transformasi sosial ternyata lebih berjaya mengubah, bukan sahaja masyarakat tetapi juga ekonomi, komuni dan dunia yang kita diami. (The Age of Social Transformation, 1994).

Politik dan proses politik selalunya bersifat reaktif; memberi tindak balas setelah timbul riak dan gelombang dalam masyarakat. Dakwah dan proses tarbiyah telah menghidupkan daya fikir masyarakat hingga mereka menuntut tindakan-tindakan tertentu dari para penguasa. Pemimpin dan ahli-ahli politik yang membaca kemahuan masyarakat terpaksa bertindak melayani kehendak dan tuntutan tersebut demi kelangsungan kuasa politik mereka. Ternyata tekad politik (political will) selalunya datang kemudian sebagai reaksi terhadap desakan dan permintaan masyarakat. Dengan demikian peranan podium khutbah dan medan dakwah dalam memulakan dan menggerakkan proses dan perubahan masyarakat tidak harus diprececilkan.

ABIM, tidak perlu merasa rendah diri dengan pegangan dan pendiriannya selama ini, yang mendokong dakwah dan tarbiyah. Dia juga tidak harus merasa kecil dan kerdil dengan sifat dirinya selaku gerakan yang non partisan, walaupun berhadapan dengan parti-parti politik yang lantang dan garang. Kita yakin, dengan mempertahankan pendekatan ini, ABIM dan perjuangannya sentiasa segar, relevan, berdaya tahan dalam menjayakan cita-cita perjuangan.

Gerakan Islam Generasi Kedua

ABIM pernah dinilai sebagai 'one of the most influential Malay pressure group in the country' (Joseline Tan, rencana dalam NST), 'there was the socio-politically oriented Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) which was openly critical of the shortcomings of the government, especially on such issues as Malay poverty and official corruption' (Khoo Boo Teik, Paradoxes of Mahathirism), 'ABIM was strongly critical of corruption and social injustice and openly critical of UMNO and the government it led (Chandra Muzaffar, Islamic Resurgence in Malaysia).

Sering kali kehebatan ABIM dikaitkan dengan peranannya sebagai kumpulan pendesak dan sikapnya yang kritikal terhadap pemerintah. Apabila ABIM dilihat kurang terlibat dalam protes-protes terbuka, bantahan dan demonstrasi-demonstrasi, sebaliknya banyak mengadakan dialog dan rapport dengan berbagai pihak termasuk pemerintah, maka ABIM sudah dianggap tidak efektif, lemah dan kehilangan arah. Melihat kepada pelbagai nasib yang dihadapi oleh kebanyakan gerakan di berbagai tempat, ABIM harus kembali berfikir bagi menentukan pendekatan yang lebih sesuai dalam merancang perubahan dan menangani cabaran di abad baru ini. Ekoran pendekatan radikal dan agresif, sebahagian dari gerakan Islam di berbagai bahagian dunia, terpaksa kehilangan ramai generasi mudanya yang berpotensi, menjadi mangsa tindak balas dan kekejaman pemerintah. Sebahagian gerakan Islam lumpuh akibat tindakan ganas para penguasa. Di sesetengah negara, kerja-kerja dakwah terpaksa bermula dari kosong, setelah ia terundur bertahun-tahun ke belakang akibat pukulan pemerintah yang tidak toleran.

Mengambil pelajaran dari sejarah yang dialami oleh gerakan-gerakan Islam ini, ABIM perlu menilai kembali secara serius pendekatan-pendekatannya selama ini demi memastikan perubahan yang sedang berlaku dapat dipertahankan dan langkah-langkah selanjutnya memberi hasil yang optima dengan risiko dan kerugian yang minimum. Pendekatan secara konfrontal secara terus-terusan sebagaimana NGO dan kumpulan pendesak yang lain perlu dirobah. Sebagaimana gerakan-gerakan Islam lain yang memulakan engagement dengan pemerintah, merobah pendekatan agresif mereka selama ini kepada sikap yang lebih akomodatif dan toleran, ABIM juga perlu menelitinya secara serius. Perkara penting yang harus difikirkan ialah bagaimana ABIM dapat memanfaatkan setiap ruang yang ada bagi kepentingan dakwah dan menggunakannya bagi mendidik umat di samping membantu menyediakan prasarana dan suasana yang kondusif bagi penyuburan kesedaran Islam. Dalam masa yang sama secara tegas memperjuangkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai keadilan dan kebenaran serta mempertahankan peranan sebagai penegak al-makruf dan pencegah al-munkar dengan cara yang penuh bijaksana. Peranan seperti ini adalah lebih sukar dan memerlukan ketajaman pemikiran dan kecerdasan. Di sinilah perlunya kefahaman mendalam tentang fiqh al-awlawiyat, fiqh al-muwazanat dan fiqh al-waqiiyyah.

Penilaian terhadap gerakan Islam abad ini harus menggunakan kriteria baru berasaskan sejauh mana kebijaksanaan mereka dalam proses engagement atau lebih tepat lagi constructive engagementnya dengan pelbagai pihak khususnya dengan pemerintah bagi mencapai cita-citanya – dan dalam masa yang sama tetap teguh mempertahankan prinsip-prinsip murni perjuangannya.

Jumaat, 17 Januari 2003.